

# Kes denggi meningkat musim cuti persekolahan

**AMPANG** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melancarkan kempen bebas denggi mengambil inisiatif di bawah Program Komunikasi Untuk Mengubah Tingkah Laku (Combi) di sini bagi menyokong usaha aktiviti pencegahan denggi dan memerangi denggi di kawasan Ampang Jaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Mohammad Yacob berkata, tujuan program itu diadakan bagi mengaktifkan penduduk di kawasan Ampang Jaya mengambil langkah pencegahan wabak denggi dengan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Sebelum ini, MPAJ melancarkan program tersebut selama empat minggu bermula pada 7 Februari sehingga 1 Mac yang lalu

dan mendapati 70 lokasi pembiakan ditemui.

"Kes wabak denggi menunjukkan penurunan, bagaimanapun kes wabak denggi ini meningkat sebanyak 12 kes pada minggu ke-11," katanya pada sidang media Mesyuarat Penuh MPAJ di sini, semalam.

Menurutnya, hanya 28 kes wabak denggi dilaporkan pada minggu ke-10 tetapi meningkat secara mendadak pada minggu ke-11 iaitu sehingga 21 Mac 2009 kepada 40 kes dilaporkan.

"Melalui penelitian, kita mendapati peningkatan wabak denggi ini adalah disebabkan cuti persekolahan pada minggu itu. Peningkatan ini berkemungkinan berpunca daripada kecuaihan dan kurang perhatian dalam kalangan penduduk berhubung tempat pembiakan



● MOHAMMAD YACOB

nyamuk Aedes," katanya.

Selain itu, katanya, musim hujan juga menjadi faktor kepada peningkatan wabak denggi di kawasan Ampang Jaya kerana penduduk tidak peka terhadap kawasan takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Beliau berkata, mengikot laporan yang diperoleh, Taman Dagang Jaya adalah kawasan yang menyumbang

kepada kes demam denggi tertinggi. Bagaimanapun, setakat ini belum menerima laporan kes kematian disebabkan wabak tersebut.

"Kami telah menghantar laporan lengkap berhubung kes demam denggi itu ke Kementerian Kesihatan untuk semakan semula pihak terbabit.

"MPAJ masih meneruskan program Combi di dua kawasan iaitu Hulu Klang dan Tasik Tambahan bagi mengawal wabak denggi itu dan juga di sembilan kawasan lain," katanya.

Mohammad berkata, MPAJ akan meneruskan usaha menganjurkan program bersama KKM untuk mengawal wabak denggi di kawasan Ampang Jaya dan berharap, program Combi akan menjadi contoh terbaik kepada penduduk.